

# Food Bank beri impak besar

Selepas lebih setahun dilancarkan, Yayasan Food Bank Malaysia berjaya membantu meringankan beban sara hidup kira-kira 480,000 isi rumah dan 12,000 pelajar universiti seluruh negara. Tahun ini, bantuan akan diperluaskan dengan sasaran mencapai segenap lapisan rakyat memerlukan. **Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Food Bank Malaysia, Ab Wahab Long berkongsi perincian usaha ini dengan wartawan BH, Zanariah Abd Mutalib.**

**S:** Bagaimanakah idea menge-nai usaha ini tercetus?

**J:** Ia bermula pada 2017 ketika Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail ketika itu bertugas sebagai Penasihat Strategik Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dan saya Pegawai Khas Ketua Menteri. Kami berbincang apa lagi boleh dilakukan untuk bantu rakyat di Pulau Pinang dan akhirnya memutuskan untuk mengadakan Food Bank. Kami bermula dengan menubuhkan Mutiara Food Bank dengan kerjasama Food Aid Foundation, tumpuan kepada kawasan tiada wakil rakyat Pakatan Harapan (PH). Kami mulakan program di Dewan Undangan Negeri (DUN) Penanti. Selepas Pilihan Raya Umum Ke-14, Datuk Seri Saifuddin dilantik sebagai menteri, beliau berhasrat memperkembangkan program Food Bank dan memaklumkannya kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

**S:** Selepas dilancarkan pada Ogos 2018, sejauh manakah program ini memberi impak kepada rakyat?

**J:** Sehingga kini, 480,000 isi rumah dan 12,000 pelajar di 21 universiti awam (UA) daripada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) mendapat man-

faat. Tahun ini, kita akan perluaskan sehingga lebih 120,000 penerima, membabitkan 60,000 di 20 kawasan Parlimen melalui projek khas, Projek Harapan Kasih Food Bank, 20,000 di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan 40,000 pelajar 123 institusi pengajian tinggi (IPT) swasta, Institut Pendidikan Guru dan politeknik. Itu jumlah kita sasarkan di bawah Yayasan Food Bank Malaysia saja. Kita anggarkan jumlah penerima akan lebih besar kerana rakan strategik kita akan turut berkembang ke negeri.

**S:** Bagaimanakah pemilihan penerima program ini?

**J:** Kami ada rakan strategik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berpengalaman menentukan siapa layak menerima sumbangan. Kechara Soup Kitchen, Food Aid Foundation, Mutiara Food Bank dan The Lost Food Projek, masing-masing ada kekuatan dan keunikan menentukan golongan sasar, baik penghuni PPR, institusi seperti rumah orang tua dan anak yatim, sekolah tafhib dan dari rumah kerumah. Selain pengkalan data yang ada, mereka yang beraskan layak menerima sumbangan boleh mendaftar dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan NGO itu sendiri. Bagi Food Bank Siswa, penerima ditentukan oleh universiti. Boleh

dikatakan 60 peratus pelajar universiti adalah daripada golongan B40, jadi kita minta universiti tentukan siapa benar-benar layak.

**S:** Bagaimanakah Food Bank Siswa bermula?

**J:** Pada mulanya di bawah program Food Bank, kita sasarkan pelajar di lima UA saja, tetapi selepas tersebut isu pelajar Universiti Malaya ikat perut seperti dilaporkan BH, Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) memutuskan Food Bank Siswa diwujudkan untuk membantu seramai mungkin pelajar memerlukan di IPT. Sebelum memulakan program ini, kami akan buat mesyuarat penyelaras dengan universiti, membabitkan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta penyumbang.

Kita terangkan kepada mereka dari segi prosedur operasi standard (SOP), minta mereka sediakan tiga perkara, tempat pelaksanaan program, iaitu pantri makam, sukarelawan dan pangkalan data penerima. Pantri makam adalah ruang khusus seperti pasar raya mini dilengkapi kemudahan untuk meletak makanan. Satu lagi kaedah adalah dapur berpusat yang selalunya dilaksanakan di universiti yang ada fakulti kulinari. Pantri ini perlu di

tempat agak tersorok, tetapi boleh diakses kerana pelajar miskin selalunya malu mengambil bantuan secara terbuka.

Dari segi sukarelawan, kami tetapkan kriteria tertentu di mana HEP perlu terbabit bagi memastikan kelangsungan program ini, selain MPP dan penerima. Berdasarkan pengalaman saya, penerima perlu bertindak sebagai sukarelawan kerana hanya mereka kenal rakan dengan latar belakang sama. Pelajar susah selalunya malu dengan orang mereka tidak kenal, tetapi jika sukarelawan juga adalah penerima bantuan, ada kelainannya. Jika pelajar yang kita sasarkan tidak pergi, program ini tidak akan berjalan. Oleh kerana program ini dipacu oleh bekalan, bukan permintaan, universiti perlu tentukan pelajar benar-benar layak, terutama di universiti yang tiada banyak penyumbang seperti pa-

sar raya dan hotel. Saya sangat mementingkan integriti dalam pangkalan data. Ketiga-tiga perkara ini adalah faktor utama untuk kelangsungan program ini.

**S:** Bagaimanakah penyumbang menentukan jumlah sumbangan dan kaedah pengagihannya?

**J:** Kami amat perlukan komitmen penyumbang. Sebab itu, kami mahu mereka hadir mesyuarat penyelesaian. Jika dapat menyumbang untuk 500 pelajar, contohnya RM10 seminggu untuk setiap pelajar selama 40 minggu, kita akan minta HEP pilih 500 pelajar benar-benar layak. Saya lebih percaya biar ia dimulakan dengan jumlah penerima sedikit, kemudian berkembang, berbanding bermula dengan jumlah besar dan kemudian menyusut.

Apabila universiti melihat komitmen kita, mereka juga akan terus komited untuk membantu pelajar mereka. Dari segi pengagihan, kita beri kebebasan kepada universiti yang ada cara, idea dan daya kreatif sendiri. Contohnya, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur menyediakan teknologi pengecaman wajah menggunakan kamera dalam mengagih bantuan. Kekerapan program juga berbeza, ada universiti buat

setiap hari, ada sekali setiap dua hari, dua kali seminggu dan sekali seminggu.

**S:** Bagaimanakah jenis makanan disumbangkan dan kualitinya?

**J:** Ia bergantung kepada bekalan. Jika dari pasar raya seperti Tesco, kita akan dapat barang seperti sayur dan roti, pengeluar makanan seperti Nestle pula akan sumbang produk seperti minuman, Petronas Dagangan beri bekalan petrol percuma untuk kemudahan logistik sebanyak RM100,000 setahun dan Axiata Digital menyediakan perkhidmatan kepada pengguna aplikasi Boost untuk menderma kepada kita. Ada juga beri wang tunai sebagai sebahagian tanggungjawab sosial korporat mereka. Kita akan pilih semula barang dihantar penyumbang. Hasrat pengurusan pasar raya amat baik untuk menyumbang, namun pada masa sama, mungkin ada terlepas pandang.

Jadi, selepas menerima barang di pusat pengumpulan, kami akan susun dan sisih makanan yang dalam keadaan baik dan sebaliknya. Ini akan dilakukan oleh sukarelawan dan rakan strategik kami. Sebab itu, sebelum terima rakan strategik, kami akan pe-



**Selepas lebih setahun dilaksanakan, program ini berjaya menyelamatkan 1,984 tan lebih makanan yang disalurkan kepada ratusan ribu isi rumah dan pelajar.**

**Ab Wahab Long,**  
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Food Bank Malaysia

riksa SOP pengendalian sumbangan yang diterima, kaedahnya ketat supaya sistem itu selamat dari segi kesihatan dan dipercayai penyumbang. Sukarelawan kami juga dilatih oleh rakan strategik untuk kenal pasti, asingkan makanan yang boleh dimakan atau sebaliknya.

**S:** Apakah kemudahan di Pusat Pengumpulan dan Penggihan Makanan (PPPM) di Kajang dan Kulim.

**J:** Ia dilengkapi kemudahan asas, pejabat serta akses kepada jalan raya yang baik. Ia menempatkan rak penyimpanan yang teratur, forklif dan peti sejuk beku. Barang diterima dibahagikan kepada zon mengikut tempoh makanan itu boleh dimakan sebelum luput. Ada zon bagi makanan yang tempoh luputnya enam bulan ke atas, tiga hingga enam bulan dan tiga bulan ke bawah. Ini cara penyimpanan sistematik dan kami akan beri makanan yang perlu ikut keperluan. PPPM juga memudahkan penyumbang hantar sumbangan mengikut jadual. Ketika ini, ada 10 kakitangan tetap di PPPM yang akan pantau operasi, selain sukarelawan yang membantu setiap hari.

**S:** Rang Undang-Undang (RUU) Perlindungan Penderma Makanan 2019 diluluskan Oktober lalu. Apakah kesannya dan apa pula potensi program ini untuk diperluaskan.

**J:** Berdasarkan pengalaman negara lain yang ada akta ini, kita jangka ada lonjakan kira-kira 20 peratus daripada jumlah sumbangan, sama ada dari penyumbang sedia ada atau baharu, sekali-gus meningkatkan jumlah makanan yang dapat diselamatkan daripada dibuang. Sejak akta ini diluluskan, kita terima banyak permohonan daripada syarikat untuk jadi penderma dan ini akan bantu kita meneruskan inisiatif peduli rakyat ini. Ini inisiatif kerajaan tanpa beban kos, namun memberi impak sangat besar.

Selepas lebih setahun dilaksanakan, program ini berjaya menyelamatkan 1,984 tan lebihan makanan yang disalurkan kepada ratusan ribu isi rumah dan pelajar. Kita bermula dengan peruntukan RM3 juta daripada Kementerian Kewangan untuk beli lori sejuk beku tahun lalu dan tahun ini, kita diberi peruntukan sehingga RM25 juta, menunjukkan potensi dan keyakinan kerajaan kepada program ini.

Bagi mereka yang berminat jadi sukarelawan, hubungi empat rakan strategik yayasan dan yang ingin jadi sebahagian program ini boleh terus hubungi Yayasan Food Bank Malaysia termasuk melayari laman [www.foodbankmalaysia.org](http://www.foodbankmalaysia.org).